

TINDAKAN SERTA MERTA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri,

Y.Bhg Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAT MENGENAI PEGAWAI-PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM BUKAN LANTIKAN TETAP**

Ruj. Tuan:
Your Ref:

Ruj. Kami: JPA(R)138/3-2 PERK
Our Ref: Klt.2/(43)

Tarikh: 15
Date: Oktober 1993

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan kepada Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 September 1993 supaya Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara mengumpulkan maklumat-maklumat seperti bilangan dan syarat-syarat perantikan bagi tiap-tiap kategori pegawai perkhidmatan awam bukan lantikan tetap mengikut Kementerian/Jabatan dan agensi kerajaan untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Pegawai bukan lantikan tetap adalah merupakan Pegawai Sementara, Kontrak, Sambilan, Sandaran/Sangkut dan lain-lain pegawai yang dilantik atas tujuan tertentu dengan bayaran elaun tetap.


2. Bagi melaksanakan keputusan tersebut, pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan mengikut format seperti di Lampiran 'A'. Pihak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan juga diminta mengemukakan satu salinan contoh surat tawaran bagi setiap jenis perantikan. Maklumat ini hendaklah meliputi semua Jabatan dan Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan di bawah bidangkuasa Kementerian/Kerajaan Negeri masing-masing.

3. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon supaya mengemukakan maklumat-maklumat yang dikehendaki pada atau sebelum 23 Oktober 1993.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(MAHADI BIN HAJI MOHD. IBRAHIM)
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA.

D2/maklumat/ita...